

# MPAJ tubuh <sup>3/6/06.</sup> Jawatankuasa <sup>UM</sup> Teknikal

AMPANG 2 Jun - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang diketuai Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor untuk mengenal pasti tahap keselamatan kawasan persekitaran runtuh sebagai langkah awal mengelakkan kejadian tanah runtuh di Hulu Klang berulang.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Ahmad Shafii Saidin berkata, penubuhan jawatankuasa itu adalah untuk melaksanakan kajian keadaan semasa kawasan kejadian tanah runtuh dan punca kegagalan struktur tembok penahan (RE) itu.

Beliau berkata, jawatankuasa tersebut dianggotai pakar-pakar dari Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Geosains dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta beberapa jabatan teknikal lain.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas susulan kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Taman Bukit Zoo View dua hari lepas di sini.

Pada sidang akhbar itu juga, Ahmad Shafii dan para pemberita 'bertegang leher' berikutan kegagalan MPAJ mengambil tindakan pencegahan awal merobohkan rumah panjang haram itu sehingga mengorbankan nyawa empat penduduk dua hari lepas.

Ahmad Shafii berkata, MPAJ akan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik tanah yang membina rumah panjang untuk disewakan kepada warga Indonesia berstatus penduduk tetap.

Katanya, tindakan itu perlu memandangkan pemilik tanah berkenaan tidak mengemukakan sebarang pelan kepada MPAJ sebelum membina rumah tersebut.

"Dia (pemilik tanah) juga perlu bertanggungjawab atas kematian empat penduduk terbabit," tegasnya.